Pemilik ASM dibayar agihan pendapatan 7 sen seunit

UM 20 MAR 2002

KUALA LUMPUR 19 Mac — Pemegang unit Amanah Saham Malaysia (ASM) akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak tujuh sen seunit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2002 berbanding 7.8 sen seunit pada tahun kewangan sebelumnya.

Ini bermakna sekiranya seseorang pelabur itu memiliki 10,000 unit ASM yang kini berharga tetap RM1.00 seunit, beliau akan mendapat sekitar RM700 tertakluk kepada tempoh pegangannya selama sekurang-kurangnya setahun. Jumlah pendapatan setiap pelabur, bagaimanapun berbeza mengikut kekerapan keluar masuk pelaburan dalam setahun.

Pengerusi Permodalan Nasional Bhd. (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, pulangan yang diumumkan itu lebih baik jika dibandingkan dengan pulangan simpanan tetap dan kadar simpanan di bank.

"Kadar purata pulangan simpanan tetap untuk setahun adalah di sekitar empat peratus sementara kadar simpanan di bank-bank perdagangan tempatan adalah lebih kurang 2.3 peratus," katanya ketika mengumumkan pengagihan pendapatan ASM di sini, hari ini.

ASM yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 20 April 2000 membenarkan ibu bapa melabur untuk anak mereka yang berusia enam bulan ke atas dengan pelaburan minimum sebanyak RM100 dan pelaburan dihadkan sehingga RM50,000.

Saham amanah yang dibuka kepada semua warga Malaysia itu mempunyai saiz dana sebanyak RM3 bilion dan kesemua unitnya telah dilanggan.

Ahmad Sarji berkata, PNB memperuntukkan sejumlah RM210 juta bagi pengagihan pendapatan itu dan seramai 350,857 pelabur akan menerima penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan pada pertenga-

■ Lihat muka 4

Pemilik ASM dibayar agihan pendapatan 7 sen seunit

han Mei depan.

Beliau berkata, sektor perkhidmatan dan perdagangan mendahului portfolio pelaburan ASM dengan 20.96 peratus dilaburkan dalam sektor tersebut diikuti kewangan (18.16 peratus), barangan pengguna (17.85 peratus) dan hartanah (5.36 peratus).

Katanya, sehingga semalam, ASM memperoleh pendapatan sebelum pengagihan sebanyak RM234.2 juta setelah mengambil kira pendapatan sebelum cukai bernilai RM192.7 juta dan keuntungan yang dibawa ke hadapan berjumlah RM41.5 juta.

Tambah beliau, keuntungan daripada penjualan saham merupakan penyumbang terbesar, iaitu sebanyak 75.25 peratus daripada jumlah pendapatan sebelum cukai.

Kata Ahmad Sarji, pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat pelaburan pula menyumbang 19.64 peratus keuntungan diikuti sumber-sumber lain sebanyak 5.11 peratus.

"Dua sektor utama iaitu kewangan serta perkhidmatan dan perdagangan telah menyumbang lebih daripada 85 peratus kepada keuntungan jualan saham," ujarnya.

Menurut Ahmad Sarji, dividen ASM juga dipengaruhi pembayaran dividen yang rendah oleh syarikat pelaburan ekoran kesan kelembapan ekonomi dunia.

Urus niaga ASM akan digantung pada 25 hingga 31 Mac bagi membolehkan pengiraan dividen dilakukan.